

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha serta rancangan dan langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian demi **memberi kesedaran** kepada masyarakat secara umum dan kepada anak-anak secara khusus tentang kepentingan tanggungjawab menjaga ibu bapa yang tua dan uzur demi mengurangkan masalah ibu bapa yang ditinggalkan oleh anak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Salah satu prinsip Dasar Keluarga Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada 17 Disember 2010 menekankan kepada inisiatif penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan bagi menjamin pembangunan sosial yang mampan. Penghayatan nilai-nilai ini juga dapat mewujudkan keluarga yang sejahtera dan pembangunan insaniah yang selari dengan pembangunan fizikal. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merencanakan dan melaksanakan pelbagai langkah untuk menyuburkan rasa penghargaan, tanggungjawab dan kasih sayang dalam kalangan generasi muda terhadap golongan ibu bapa. Antaranya ialah:

- (i) Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa yang dilaksanakan sejak tahun 2002;
- (ii) Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang diadakan pada 11 November setiap tahun telah diperluaskan kepada konsep

sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan yang disambut pada bulan November mulai tahun 2013; dan

- (iii) Program Ilmu Keluarga@LPPKN iaitu program untuk memupuk dan menyuburkan rasa tanggungjawab ahli keluarga serta memantapkan institusi keluarga.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan juga telah menggubal Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah diluluskan pada 5 Januari 2011. Dasar dan Pelan Tindakan ini merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut.

Dua (2) daripada strategi ini iaitu Promosi dan Advokasi serta Penglibatan Dan Kesepaduan Antara Generasi merupakan strategi yang dirancang oleh Kerajaan untuk memberi fokus yang khusus bagi memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran penuaan dalam

kalangan semua lapisan masyarakat. Promosi mengenai penuaan juga dilaksanakan untuk meningkatkan sensitiviti dan keprihatinan orang ramai supaya melihat penuaan sebagai proses kumulatif yang berlaku sepanjang hayat. Selain itu, strategi ini juga menitikberatkan usaha memupuk dan mengeratkan hubungan saling melengkapi melalui aktiviti/program pengukuhan hubungan dan perpaduan dalam kalangan warga emas dan antara pelbagai generasi. Aspek warisan dan hubungan saling menghormati dan bantu-membantu antara generasi juga diketengahkan dalam setiap aktiviti/program.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menggerakkan strategi Promosi dan Advokasi di bawah Pelan Tindakan Warga Emas Negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dan kasih sayang dalam kalangan generasi muda terhadap golongan ibu bapa yang tua, Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi di bawah Majlis Perundingan dan Penasihat Warga Emas Negara (MPPWEN) telah ditubuhkan. MPPWEN yang turut dianggotai oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mempromosikan dan membuat hebahan mengenai hak warga emas. Hebahan ini dibuat melalui kempen Budi Bahasa, kempen Nilai Murni, slot-slot khas dan laporan khas bersempena sambutan hari ibu,

sambutan hari bapa dan sambutan hari warga emas di saluran TV dan radio swasta sepanjang tahun.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM yakin masyarakat Malaysia hari ini masih berpegang teguh kepada pegangan agama dan nilai budaya timur yang tinggi dalam memupuk kasih sayang terhadap ibu bapa atau anggota keluarga yang lanjut usia. Seiring dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, adalah diharapkan kesedaran masyarakat umum dan anak-anak khususnya tentang kepentingan tanggungjawab menjaga ibu bapa yang tua dan uzur akan meningkat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

SOALAN : 107

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini penyiasatan tragedi penerbangan MH17 yang telah ditembak jatuh pada tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mesyuarat *MH17 Second Progress Meeting* di Van der Valk Hotel, Gilze-Tilburg, Amsterdam telah dijalankan pada 6 dan 7 Mei 2015.

Pihak *Dutch Safety Board* (DSB) selaku Ketua Penyiasat insiden MH17 berjanji akan menyiapkan laporan akhir dalam bulan Oktober 2015. Semakan akhir *draft Final Report* telah dihantar kepada semua *Accredited Representative* (AR).